

11 JAN 2004
US-Washington
KOMUNITI PERNIAGAAN AS TERIMA TPM BARU DAN KABINET

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 11 Jan (Bernama) -- Komuniti perniagaan Amerika Syarikat (US) di sini menyambut baik pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru selain barisan baru kabinet pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam temubual Bernama dengan eksekutif tertinggi Majlis Perniagaan US-Asean di sini pada Jumaat, mereka menyambut baik pelantikan Najib, yang dikenali oleh anggota kanan pentadbiran Bush selepas lawatannya ke Washington tahun lepas, yang memberi petanda baik untuk hubungan Malaysia-US yang lebih kukuh.

Najib yang turut mengekalkan portfolio pertahanan, diterima dengan baik oleh pegawai tinggi pentadbiran Bush termasuk penasihat keselamatan negara, Condoleeza Rice dan Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld, semasa lawatan itu.

Semasa di sini, Najib dijemput berucap mengenai keselamatan dan pertahanan Malaysia pada jamuan tengah hari yang penuh sesak anjuran ahli pemikir konservatif.

Selepas kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi "nampaknya mempunyai corak kepimpinannya yang tersendiri -- Saya agak terkejut melihat kewibawaan Abdullah," kata presiden majlis itu, Ernest Bower.

"Rombakan kabinet dan melantik Najib merupakan tindakan yang tepat. Kumpulan kami kagum dengan tindakan padu yang diambil beliau (Abdullah) bagi meningkatkan ketelusan dan memerangi rasuah di Malaysia," katanya.

Bower berkata beliau tidak nampak Abdullah akan memperlahankan pembangunan tetapi dengan pendekatan berbeza - "kurang penekanan kepada projek mega dan memberi lebih tumpuan kepada projek-projek kecil dan sederhana."

"Kami melihat peluang baru untuk ahli perniagaan Amerika Syarikat - dalam perkhidmatan kewangan, infrastruktur, pengangkutan, penjana tenaga.

bioteknologi dan industri perkhidmatan."

Bower mengetuai 21 eksekutif kanan syarikat-syarikat US ke Malaysia dari 7 hingga 9 Dis lepas. Kumpulan itu mengadakan pertemuan dengan Abdullah, Najib, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke portfolio Pertanian dan Menteri

Belia serta Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Pengerusi Majlis Perniagaan US-Malaysia Michael Gadbow pula berkata perubahan kepimpinan di Malaysia menunjukkan wujud kesinambungan.

"Kita boleh bekerja bersama-sama - dasar-dasar sudah jelas, tidak ada n itu dan dunia amnya bebas daripada penguasaan negara berkenaan.

SOT:(05:36- 05:53)

"Kalau tidak kalau sampai bila-bila pun keadaan tidak demokratik ini akan berterusan dan dunia akan dikongkong oleh lima buah negara ini."